



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

8 JULAI 2025 (SELASA)

Racun Haiwan di Bukit Bendera, JPVPP Jalankan Siasatan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Online	7 Julai



GAMBAR HIASAN

Georgetown: Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) memaklumkan terdapat beberapa kes meracun haiwan dengan sengaja di kawasan Bukit Bendera sehingga menyebabkan kematian.

PBBPP dalam kenyataan semalam memaklumkan haiwan seperti anjing, kucing dan juga burung ditemui mati dipercayai termakan makanan beracun di atas kawasan bukit itu.

"Tindakan kejam itu tidak berperikemanusiaan dan menimbulkan risiko serius

kepada ekosistem, keselamatan awam dan imej Bukit Bendera.

"Menggunakan racun untuk menghapuskan haiwan terbiar tidak boleh diterima dalam apa jua keadaan dan boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan (Akta 574) dengan penjara sehingga 3 tahun dan, atau dengan denda," menurut kenyataan di laman Facebook PBBPP.

Sehubungan itu, perbadanan berkenaan menggesa orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai kejadian itu untuk

menyalurkannya di e-mel
inquiries@penanghill.gov.my.

Sementara itu, Pengarah
Jabatan Perkhidmatan
Veterinar Pulau Pinang
(JPVPP) Dr Saira Banu
Mohamed Rejab
mengesahkan telah
menerima laporan mengenai
kejadian itu pagi tadi dan
siasatan lanjut sedang
dijalankan.-[MYMETRO](#)

JPVPP Dapatkan Bukti Penganiayaan Haiwan di Bukit Bendera

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Online	7 Julai



Dr Saira Banu Mohamed Rejab

Georgetown: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang (JPVPP) sedang mendapatkan sampel di lokasi bagi mencari bukti susulan siasatan yang dijalankan berhubung aduan haiwan ditemukan mati di kawasan Bukit Bendera, di sini, dipercayai diracun pihak tidak bertanggungjawab.

Pengarahnya, Dr Saira Banu Mohamed Rejab berkata, pihaknya turut akan mendapatkan bukti daripada rakaman menerusi kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan sekitar lokasi.

"Pegawai JPVPP sudah jalankan siasatan sejurus aduan diterima semalam," katanya ketika dihubungi hari ini.

Semalam, Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) menerusi kenyataannya mengesahkan berlaku kes meracun haiwan yang dipercayai dilakukan dengan sengaja di kawasan Bukit Bendera.

Menurut kenyataan itu, anjing, kucing dan juga burung ditemukan mati dipercayai termakan makanan beracun di atas

bukit dan saksi juga diminta tampil bagi membantu siasatan.

"Tindakan kejam tidak berperikemanusiaan itu menimbulkan risiko serius kepada ekosistem, keselamatan awam dan imej Bukit Bendera.

"Tindakan boleh diambil mengikut Kanun Keseksaan (Akta 574) dan/atau Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772)," menurut kenyataan itu.

Difahamkan, laporan polis sudah dibuat dan kes dirujuk kepada JPVPP bagi siasatan.-

[MYMETRO](#)

JPV Pulau Pinang Siasat Haiwan Mati di Bukit Bendera

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BERNAMA	Am	Online	7 Julai



Gambar hiasan

GEORGE TOWN: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang telah mengambil sampel haiwan mati yang dipercayai diracun dengan sengaja di kawasan Bukit Bendera.

Sampel tersebut dihantar ke makmal untuk analisis lanjut.

Pengarah JPV Pulau Pinang, Dr Saira Banu Mohamed Rejab, berkata siasatan sedang dijalankan untuk mengesan punca kematian haiwan tersebut.

“Kesemua sampel dihantar ke makmal untuk tindakan

selanjutnya, termasuk mengesan sama ada terdapat racun atau bahan berbahaya lain,” katanya.

Menurut beliau, kejadian ini dilaporkan berlaku pada 5 Julai. Karkas haiwan tersebut sudah mengalami autolisis dan tidak sesuai untuk dibedah siasat, namun sampel tetap diambil untuk analisis.

“Tiada bahan lain ditemukan di lokasi kerana kawasan tersebut telah dibersihkan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP),” jelasnya.

Semalam, Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) memaklumkan terdapat haiwan seperti anjing, kucing, dan burung ditemukan mati di kawasan tersebut, dipercayai akibat termakan makanan beracun.-

BERNAMA

JPV Pulau Pinang Siasat Haiwan Mati di Bukit Bendera

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
The Star	Berita	Online	7 Julai



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

Gambar hiasan

GEORGE TOWN: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang telah mengambil sampel haiwan mati yang dipercayai diracun dengan sengaja di kawasan Bukit Bendera.

Sampel tersebut dihantar ke makmal untuk analisis lanjut.

Pengarah JPV Pulau Pinang, Dr Saira Banu Mohamed Rejab, berkata siasatan sedang dijalankan untuk mengesan punca kematian haiwan tersebut.

“Kesemua sampel dihantar ke makmal untuk tindakan

selanjutnya, termasuk mengesan sama ada terdapat racun atau bahan berbahaya lain,” katanya.

Menurut beliau, kejadian ini dilaporkan berlaku pada 5 Julai. Karkas haiwan tersebut sudah mengalami autolisis dan tidak sesuai untuk dibedah siasat, namun sampel tetap diambil untuk analisis.

“Tiada bahan lain ditemukan di lokasi kerana kawasan tersebut telah dibersihkan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP),” jelasnya.

Semalam, Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) memaklumkan terdapat haiwan seperti anjing, kucing, dan burung ditemukan mati di kawasan tersebut, dipercayai akibat termakan makanan beracun.-

THESUN

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR